

KPDNHEP rampas 8,000 tan metrik gula

KUALA LUMPUR -

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas sebanyak 8,000 tan metrik gula yang disimpan melebihi had kuantiti dibenarkan dalam serbuhan di dua syarikat di Shah Alam dan Kajang semalam.


Pengarah Pengurusan KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, barang kawalan tersebut dirampas menerusi serbuhan Ops Manis dilakukan sepasukan anggota pengurusan KPDNHEP di dua syarikat berkenaan pada jam 10 pagi.

"Operasi ini berdasarkan maklumat risikan yang telah diberikan sejak dua minggu lalu.

"Sebanyak 8,000 tan metrik gula dianggarkan bernilai RM22,585,189 dirampas dalam serbuhan itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasati di bawah Peraturan 9(1) dan Peraturan 13(1) Peraturan Kawalan Bekalan 1974, Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dalam pada itu, Iskandar berkata,



Bekalan gula yang disimpan melebihi had kuantiti dibenarkan dalam serbuhan Op Manis di empat premis pengedar dan pemborong gula di Shah Alam dan Kajang, Selangor semalam.

pihaknya turut melaksanakan pemeriksaan ke atas sebuah syarikat kerana disyaki gagal menyelenggara buku stok barang kawalan gula.

"Setiap pengedar dan pemborong tidak dibenarkan untuk menyimpan stok barang kawalan melebihi had kuantiti yang kita benarkan.

"Selain itu, stok keluar dan masuk barang kawalan ini juga mesti dikemaskini setiap hari untuk mengelakkkan ia diselewengkan," katanya.

HARI : SABTU
TARIKH : 27/6/2020
M/SURAT : 19